

18/03/1998

Masalah ekonomi tidak jejas NITA

M Azlan Jaafar

PELAKSANAAN Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita) dijangka tidak terjejas walaupun negara kini mengalami masalah ekonomi dan masyarakat lebih berhemah ketika berbelanja.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Bhd, Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen, berkata buat masa ini matlamat Nita masih pada landasan yang ditetapkan.

Beliau tidak berpendapat matlamat pelaksanaan Nita telah dikompromi hanya kerana keadaan ekonomi semasa.

"Nita berlainan dari program lain kerana ia didorong oleh masyarakat dan kerajaan berfungsi sebagai fasilitator. Saya tidak fikir masyarakat akan begitu cepat berubah."

"Kebanyakan matlamat, komponen serta program Nita yang ditetapkan pada tahun 2005 akan dapat dicapai."

Azzman yang juga setiausaha tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) bagaimanapun tidak menolak kesan negatif kepada Nita jika masalah ekonomi semasa berlanjutan hingga beberapa tahun.

"Buat masa ini, pengawasan dijalankan untuk melihat kesan ekonomi ke atas pelaksanaan Nita."

Nita yang dilancar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober lalu, adalah pelan tindakan teknologi maklumat (IT) kebangsaan yang menyeluruh dan mencakupi segenap lapisan masyarakat.

Pelan tindakan itu memberi tumpuan kepada tiga elemen, iaitu pembangunan insan, infrastruktur maklumat dan pembangunan aplikasi.

Matlamat utama Nita ialah supaya masyarakat negara ini mengguna dan menguasai IT dalam urusan harian dan pada masa yang sama berinovatif dalam menghasilkan kandungan tempatan dan aplikasi.

Projek Koridor Raya Multimedia ialah sebahagian inisiatif kerajaan dalam menjadikan Nita suatu realiti.

Bagaimanapun, kejayaan Nita bergantung kepada keupayaan rakyat negara ini untuk menguasai bidang IT dan pelaburan dalam komputer peribadi (PC) ialah langkah pertama dalam penguasaan bidang teknologi tinggi itu.

Masalah ekonomi semasa menyebabkan masyarakat awam menanggung atau membatalkan pembelian PC. Akibatnya, kebanyakan syarikat PC melaporkan penurunan jualan lebih 40 peratus.

Azzman berkata, "Individu harus melabur dalam sesuatu yang boleh membawa perbezaan kepada masyarakat seperti PC terutama dengan MSC sudah bermula," katanya di Petaling Jaya selepas pelancaran persidangan dan pameran Pembangunan Perisian Asia 98 (SDA 98).

Kali kedua diadakan di Malaysia, SDA 98 yang dianjurkan bersama oleh Miller Freeman dan Mimos Bhd, akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 7 hingga 9 Julai.

Selain pembentangan kertas kerja oleh pakar bidang pembangunan perisian, lebih 40 syarikat dijangka akan mengambil bahagian dalam pameran persidangan yang menumpukan kepada pembangunan perisian.

(END)